

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2004/2005

Mei 2005

HST 223 – Kepulauan Asia Tenggara

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. DUA dari **Bahagian A** dan DUA dari **Bahagian B**.

...2/-

Bahagian A

1. "Penyebaran Agama Katolik merupakan faktor penting dalam usaha Sepanyol untuk menjajah Kepulauan Filipina." (Zaide) Bincangkan.
2. Nilai perana Gerakan Propaganda (1872-1892) dan pertubuhan Katipunan dalam perjuangan rakyat Filipina untuk mencapai kemerdekaan daripada negara Sepanyol.
3. "Amerika Syarikat terpaksa mengambil alih Kepulauan Filipina kerana pribumi Filipina tidak bersiap sedia untuk merdeka." (President William McKinley). Bahaskan kenyataan ini.
4. "Kemerdekaan tidak diingini oleh pemimpin-pemimpin politik Filipina (pada 1920an) kerana penjajahan Amerika Syarikat menguntungkan mereka." (Jeneral Leonard Wood). Bincangkan.

Bahagian B

5. Sejauh manakah Dasar Liberal yang diperkenalkan pada 1870 berjaya memperbaiki taraf hidup penduduk pribumi di Kepulauan Hindia Timur Belanda?
6. Jelaskan mengapa sokongan besar-besaran diberi kepada Sarekat Islam selepas 1912.
7. Nationalisme Indonesia berkembang dengan pesat di Kepulauan Indonesia disebabkan oleh dasar Belanda yang tidak mengambil kira aspirasi pribumi Indonesia untuk diberi suara dan hak dalam pentadbiran negara mereka. Bincangkan.
8. "Kemerdekaan Kepulauan Hindia Timur tidak tulin. Sebenarnya, Jepun telah memberi peluang kepada suatu kelompok anti Belanda untuk merampas kuasa dan mengisytiharkan kemerdekaan palsu bagi Kepulauan Hindia Timur Belanda." (Profesor Gerbrandy). Bahaskan kenyataan Gerbrandy ini.